

07 JAN 2002

DR MAHATHIR LANCAR SAMBUTAN HARI KASTAM DI MELAKA 25 JAN INI

MELAKA, 7 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan sambutan Hari Kastam Sedunia peringkat kebangsaan di Akademi Kastam Diraja Malaysia di Bukit Baru di sini pada 25 Jan ini.

Sambutan itu adalah satu daripada acara dalam lawatan kerja sehari Perdana Menteri ke Melaka, kata Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam di sini hari ini.

Dr Mahathir akan menunaikan solat Zuhur di Masjid Negeri Al-Azim di Bukit Palah, sebelum merasmikan kursus untuk pengerusi dan setiausaha Biro Latihan Umno di Hotel Puteri, Ayer Keroh pada 3 petang.

Mohd Ali berkata aturcara terakhir Dr Mahathir ialah melakukan upacara pecah tanah kampus tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Durian Tunggal, di sini.

KUTKM ialah institusi pengajian tinggi awam ke-14 di negara ini, yang beroperasi di kampus sementara di Taman Tasik Utama, di sini dengan pengambilan pelajar pertamanya sebanyak 360 orang pada Jun lepas.

-- BERNAMA

NO MAI